

LAWATAN INDUSTRI PELAJAR FIZIK DENGAN ELEKTRONIK KE LABUAN

Artikel oleh: Chee Fuei Pien

Lawatan industri untuk pelajar akhir tahun program Fizik dengan Elektronik telah berjaya dijalankan selama dua hari dari 18 November 2015 hingga 19 November 2015. Seramai 52 pelajar telah menyertai lawatan ini dan diiringi oleh P. M. Dr. Jedol Dayou dan Dr. Chee Fuei Pien. Salah satu objektif utama lawatan ini adalah untuk memperkenalkan pelajar program Fizik dan Elektronik kepada syarikat-syarikat perindustrian. Program ini juga merupakan salah satu inisiatif tatacara pembelajaran dan membuka minda pelajar terhadap situasi dalam bidang industri. Lawatan ini melingkungi tiga syarikat perindustrian di Labuan iaitu Dayang Enterprise Holdings Berhad (DESB), Labuan Shipyard & Engineering Sdn Bhd dan SGS Petrotechnical Inspection Sdn Bhd. Memandangkan ketiga-tiga syarikat ini adalah berorientasikan industri oil dan gas, para pelajar telah diberikan banyak pendedahan dari segi penyediaan perkhidmatan penyelenggaraan , operasi fabrikasi, hook-up, pembinaan kapal dan sebagainya. Diharapkan lawatan sedemikian dapat membantu pelajar untuk menimba pengalaman dalam bentuk praktikal berkaitan aplikasi teknologi fizik dan penggunaan instrumen.



